

Praktis 1**Soalan 1 – 4**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Bunyi muzik yang kuat itu hampir memecahkan _____ telinga saya.
A bebuli C tetulang
B lelangit D gegendang
- 2 Mukanya _____ menahan malu apabila dimarahi guru disiplin di hadapan rakan-rakannya.
A berlari-larian
B kebiru-biruan
C keanak-anakan
D kemerah-merahan
- 3 Sebaik sahaja Encik Zaki tiba di rumah, anak-anaknya _____ datang mendapatkannya.
A berlari-lari C bermain-main
B menari-nari D melambai-lambai
- 4 Encik Taufiq _____ mempertahankan cadangan yang dikemukakan dalam mesyuarat itu.
A sela-menyela
B habis-habisan
C gamit-gamitan
D harap-harapan

Soalan 5 – 7

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 5 Jejari basikal itu diperbuat dari bahan yang tahan lasak dan bermutu tinggi.
A Jejari basikal itu diperbuat daripada bahan
B Jejari basikal itu diperbuat dari bahan
C Jari basikal itu diperbuat daripada bahan
D Jejari basikal itu diperbuat dari bahan
- 6 Mereka terpaksa berhimpit-himpitan di dalam komuter untuk pulang ke kampung halaman.
A himpit-himpit dalam komuter
B himpit-himpit di atas komuter
C berhimpit-himpit di dalam komuter
D berhimpit-himpitan di dalam komuter
- 7 Pasangan pengantin saling bersalam-salaman dan berbual mesra dengan tetamu yang hadir.
A bersalam-salaman dan bual mesra
B bersalam-salaman dan berbual mesra
C saling bersalaman dan bual-bual mesra
D saling bersalam-salaman dan berbual mesra

Praktis 2

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sonia tersipu malu apabila jawapan yang diberikannya itu tidak tepat.

- (ii) Beberapa hari sebelum keputusan peperiksaan diumumkan, hati saya sudah mula berdebar.

- (iii) Peminat bola sepak berpusu menyerbu kaunter jualan tiket perlawanan akhir di Stadium Merdeka.

- (iv) Keharmonian dan kesejahteraan hidup tidak dapat dinikmati jika setiap masyarakat saling salah-menyalahi sesama sendiri.
